



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

‘SYARIKAT KORPORAT DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN SUMBANG MESIN DIALISIS KEPADA DUA BUAH PUSAT YKN DIALISIS’

PUTRAJAYA, 26 Disember – Sumbangan sebanyak RM234 ribu telah diterima oleh **Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM)** untuk pembelian enam (6) unit mesin dialisis bagi YKN Dialisis Lembah Pantai dan YKN Dialisis Kuala Terengganu. Dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Rakan Strategik YKN hari ini, *Central Sugars Refinery Sdn. Bhd.* dan PELITAWANIS KEBANGSAAN telah menyampaikan **Mock Cheque** kepada YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara Malaysia.

YKN Dialisis merupakan pusat rawatan dialisis bercirikan “home-based” serta mesra pesakit dan keluarga dan menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia dilengkapi dengan kemudahan perkhidmatan seperti pakar nefrologi, pemeriksaan doktor dan beberapa kemudahan lain. Pada masa ini, YKN Dialisis terdapat enam (6) buah yang telah beroperasi di lokasi berikut:

1. Pusat Komuniti Lembah Pantai, Kuala Lumpur
2. Kuala Pilah, Negeri Sembilan
3. Kuala Rompin, Pahang
4. Kota Baharu, Kelantan
5. Kuala Terengganu, Terengganu
6. Kota Kinabalu, Sabah

Bagi tempoh Januari 2015 sehingga Disember 2019, sejumlah RM7,349,940.00 telah dibelanjakan oleh YKNM bagi membiayai kos rawatan 425 orang pesakit buah pinggang di seluruh negara.

Bagi tahun 2019 sahaja, sebanyak RM1,606,400.00 telah dibelanjakan oleh YKNM bagi membiayai kos rawatan 104 orang pesakit buah pinggang di seluruh negara.

Pihak YKNM amat mengalu-alukan mana-mana pihak sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan, atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKNM dalam membantu golongan yang memerlukan dengan menyalurkan sumbangan mereka melalui YKNM. **Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.**

Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank YKNM seperti berikut:

Nama Akaun	Yayasan Kebajikan Negara Malaysia	
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Berhad
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284

Hadir sama YBhg. Datuk Hishammudin Hasan, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif *Central Sugars Refinery Sdn. Bhd.*, YBhg. Datin Siti Laila Seri Aseh, Timbalan Yang DiPertua 1, PELITAWANIS KEBANGSAAN, YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif YKNM dan Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKNM

Disediakan oleh : Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya.
No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420
Tarikh dikeluarkan : 26 Disember 2019